



**IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA,
BAHAGIAN KASTAM, ARAS 4 UTARA,
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
No.3, PERSIARAN PERDANA
PRECINT 2,
62596 PUTRAJAYA.**

No. Tel : 03-8882 2649/
03-8882 2645
No. Fax : 03-8889 5881/
03-8889 5866

Ruj. Kami : KE.HE(-)379/12 Klt.7 (22)

Tarikh : 11 Mei 2009

SENARAI EDARAN

Y.Bhg Datuk/ Dato'/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PROSEDUR EKSPORT SEMULA BARANGAN IMPORT YANG GAGAL MEMENUHI KEHENDAK STANDARD DARI PELBAGAI AGENSI KERAJAAN YANG BERKAITAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengeluarkan surat ini dengan tujuan untuk memastikan pelanggan Jabatan mempunyai pemahaman yang seragam berkenaan keperluan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

3. Pengeksportan semula ini hanya akan dipertimbangkan kepada konsaimen bagi kes-kes *bona fide* yang gagal mematuhi kehendak standard yang ditetapkan oleh Lain-lain Agensi Kerajaan (*Other Government Agencies-OGA*).

4. Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan yang sedia ada di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976 berkaitan pengeksportan semula, kebenaran pengeksportan semula ini hanya akan diberikan jika syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut dipatuhi :

4.1 Tertakluk kepada perenggan 5, pengeksportan semula hanya akan dipertimbangkan kepada barang-barang seperti berikut :

4.1.1 Semua barangan yang tertakluk di bawah Bahagian II Jadual 4 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008 kecuali barangan seperti berikut :

i. Butiran 1 – *Cigarettes* (2402.20.900 dan 2402.90.200)

- ii. Butiran 4 – *Apparatus or equipment for the brewing of beer in homes* (8438.40.000)
- iii. Butiran 6 – *Beer, wine, vermouth and other wine of fresh grapes flavored with plants or aromatic substances, other fermented beverages, mixtures of fermented beverages and non-alcohol beverages, ethyl alcohol, spirits, liqueurs and cordial and other spirituous beverages* (2203, 2204, 2205, 2006, 2207, 2208)

4.1.2 Semua barangan yang tertakluk di bawah Bahagian III Jadual 4 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008.

- 4.2 Barang-barang tersebut hendaklah dieksport semula melalui pintu masuk/pelabuhan/lapangan terbang yang sama tanpa perlu memasuki Kawasan Utama Kastam.
 - 4.3 Pengimport hendaklah mendapat surat pengesahan dari OGA berkaitan yang memaklumkan bahawa barangan tersebut tidak mematuhi standard yang ditetapkan dan tidak dibenarkan untuk diimport.
 - 4.4 Barangan yang diimport dan masih belum lagi diluluskan pelepasannya dari Zon Perdagangan Bebas (termasuk pelabuhan dan lapangan terbang yang bertaraf Zon Bebas).
 - 4.5 Pengeksportan semula hendaklah dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu selepas kelulusan dikeluarkan oleh Pejabat Kastam yang berkaitan.
5. Pengeksportan semula tidak boleh dibenarkan ke atas barang-barang seperti berikut :
- 5.1 Barangan yang tertakluk kepada semua Jadual dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008 melainkan yang telah dikecualikan di perenggan 4.1 di atas.
 - 5.2 Barang-barang terlibat dalam siasatan, penyelewengan atau penyeludupan.
6. Tatacara pelaksanaan adalah seperti berikut :
- 6.1 Bagi kategori barang yang dinyatakan di para 4.1, pengimport hendaklah mengemukakan permohonan mengenai keperluan untuk mengeksport semula kepada Pengarah Kastam Negeri bersama dokumen-dokumen import.

- 6.2 Manakala bagi kategori barang yang dinyatakan di Para 4.4 pula, pengimport hendaklah mengemukakan permohonan kepada Timbalan Pengarah Kastam Negeri (Bahagian Kastam) atau Ketua Cawangan Zon Perdagangan Bebas.
- 6.3 Dokumen berkaitan pengeksporan semula yang telah dilakukan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kastam yang telah memberi kelulusan eksport semula sebaik sahaja pengeksporan selesai dilakukan.
7. Kerjasama semua pihak amat diperlukan untuk mematuhi mekanisma yang telah ditetapkan ini.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

saya yang menurut perintah,

(DATO' HJ. ISMAIL BIN HJ. IBRAHIM)

Pengarah Kastam,
Bahagian Kastam,
b.p Ketua Pengarah Kastam
MALAYSIA.

- s.k. :-
- (i) Timbalan Ketua Pengarah Kastam
(Bahagian Perkastaman & Cukai Dalam Negeri)
 - (ii) Semua Pengarah Kastam Negeri

SENARAI EDARAN

En. Tan Ah Beng
Acting President
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
B-4-3, Jalan Intan 1/KS1,
Intania Klang,
Telok Gadong Besar,
41200 Klang
Selangor

En. Walter Culas
Chairman
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
16b, 2nd. Floor, Jln. Kemuja,
Bangsar Utama
59000 Kuala Lumpur

En. G. Krishnan
President
Malaysia International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)
C-8-8, 8th Floor, Block C,
Plaza Mont' Kiara,
2, Jln. Kiara, Mont' Kiara,
50480 Kuala Lumpur

En. Mohd. Radwan Alami
Chairman,
Logistics Committee
Federation of Malaysia Manufacturers (FMM)
Wisma FMM, No. 3, Persiaran Perdana Dagang,
PJU 9, Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur

En. William Lim Eng Kok
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
Wisma SFFLA,
23, Jalan Cemerlang,
42000 Pelabuhan Klang
Selangor Darul Ehsan.

Pengerusi
Persatuan Pengusaha Logistik Bumiputra Selangor (PPLB)
Lot 18, Jalan SP 4/2
Seksyen 4, Taman Subang Perdana
40150 Shah Alam, Selangor.

Presiden
Persatuan Ejen-Ejen Penghantaran dan Logistik Selangor (SFFLA)
Wisma SFFLA
23, Jalan Cemerlang
42000 Pelabuhan Klang
Selangor

Presiden
Persatuan Penghantar Fret Johor (JOFFA)
No 71 Jalan Jaya Mas 1
Taman Jaya Mas 1
Taman Jaya Mas
81300 Johor Bahru
Johor

Presiden
Johor Port Shipping And Forwarding Association (JPSFA)
No 8A – 10 A, Jalan Molek 2/3
Taman Molek
81100 Johor Bahru
Johor

Pengerusi
Wakil-Wakil Penghantar Pulau Pinang (PFFA)
Bilik A, Unit 9, MAS Air Cargo Complex
Penang International Airport
Jalan Garuda
11900 Pulau Pinang

Pengerusi
Persatuan Agen Penghantaran Kota Kinabalu (KKFAA)
Lot 16, Blok D, Lorong Buah Salak 3
Hong Tiong Industry Centre
Km 11.2, Jalan Tuaran
Inanam
88450 Kota Kinabalu
Sabah

Pengerusi
Persatuan Ejen Penghantaran Sandakan (SFA)
Peti Surat 655
90707 Sandakan
Sabah

Pengerusi
Persatuan Agen Penghantaran Tawau (TFAA)
Peti Surat 2063
91045 Tawau
Sabah